

KERATAN AKHBAR

Kementerian bantu SKMM urus dana naik taraf internet luar bandar

Beaufort: Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membantu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menguruskan dana untuk menaik taraf kemudahan internet di kawasan luar bandar.

Menterinya, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan SKMM dan syarikat telekomunikasi, Telekom Malaysia Bhd (TM) bagi membincangkan mengenai perkara terbabit, baru-baru ini.

“Pada peringkat kementerian, saya sudah mengadakan pertemuan dengan pengerusi TM, Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan juga pengerusi SKMM, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, pada tiga minggu lalu berkenaan hal ini.

“Sebelum ini KPLB jaga fasiliti seperti api, air dan jalan raya dan

kita mahu tambah kemudahan seperti internet untuk kita uruskan. Kita lebih tahu dan arif di mana tempat (kawasan luar bandar dan kampung) yang memerlukan capaian internet. Oleh itu, bila SKMM ada peruntukan, bagi dengan KPLB dan kita akan bantu uruskan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Sukarelawan Penyedia Peralatan Perlindungan Diri (PPE) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Sabah untuk bertugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM), di sini, semalam.

Sementara itu Dr Abdul Latiff berkata, pihaknya berdepan halangan isu tapak tanah bermasalah bagi membaik taraf pembinaan infrastruktur dan fasiliti



Dr Abdul Latiff di TABIKA KEMAS Kampung Muhibbah Baru di Beaufort, semalam. (Foto Malai Rosmah Tuah/BH)

Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) KEMAS, terutama di kawasan luar bandar.

“Kita tidak boleh membina kemudahan yang baik apabila masalah status tanah belum selesai. Ada kemudahan dan fasiliti yang

teruk, tetapi kita tidak boleh naik taraf tanpa mengikut prosedur. Jika pihak kita teruskan pembinaan dan menggunakan duit pembayar cukai, kita pula yang akan dipersoalkan oleh pihak audit,” katanya.

KETERANGAN AKHBAR